

FATWA KESEMBILAN

CARA PENETAPAN HARGA ZAKAT FITRAH SELURUH MALAYSIA

KEPUTUSAN

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-57 yang bersidang pada 10 Jun 2003 telah membincangkan Cara Penetapan Harga Zakat Fitrah Seluruh Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Harga zakat fitrah bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah berdasarkan harga setempat yang ditetapkan oleh BERNAS bagi beras Super Tempatan Gred A mengikut timbangan satu gantang Baghdad bersamaan 2.60 kg.
2. Harga zakat fitrah bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan harga setempat yang ditetapkan oleh BERNAS, masing-masing bagi beras '*Vietnam White Rice*' bagi negeri Sabah dan '*Thai White Rice*' bagi negeri Sarawak mengikut timbangan satu gantang Baghdad iaitu bersamaan 2.70 kg.⁵⁰

LATAR BELAKANG

Amalan pelaksanaan zakat fitrah di negara ini ditunaikan dengan nilai mata wang bagi menggantikan satu gantang beras bagi setiap orang Islam yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Keadaan ini memperlihatkan wujud perbezaan kadarnya di negeri-negeri disebabkan penetapan asas timbangan bagi satu gantang beras dan jenis beras yang ditentukan. Selain itu,

⁵⁰ Kadar yang diperoleh hasil timbangan 1 gantang Baghdad beras Super Tempatan Gred 'A' bagi Semenanjung Malaysia dan beras '*Vietnam White Rice*' bagi Sabah dan Sarawak dengan menggunakan penimbang metrik jenis 'digital' yang disediakan oleh Unit Metrik Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

harga beras tempatan di Semenanjung Malaysia dikawal dan diselaraskan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) tetapi tidak melibatkan negeri Sabah dan Sarawak.

HUJAH DAN DALIL

Penggunaan sukatan gantang Baghdad merujuk kepada gantang yang digunakan secara meluas di zaman Rasulullah SAW selaras dengan hadis Baginda SAW ;

عَنِ ابْنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- فَرَضَ زَكَاةَ الْفِطْرِ زَكَاةَ الْفِطْرِ
مِنْ رَمَضَانَ صَاعٌ مِنْ تَمْرٍ أَوْ صَاعٌ مِنْ شَعِيرٍ عَلَى كُلِّ حُرٍّ أَوْ عَبْدٍ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى مِنْ
الْمُسْلِمِينَ⁵¹

Maksudnya:

Daripada Abdullah bin Umar berkata: Rasulullah SAW telah memfardhukan zakat fitrah pada bulan Ramadhan segantang tamar atau gandum ke atas orang yang merdeka atau hamba lelaki atau perempuan di kalangan Islam.

Bahan makanan yang diambil kira bagi menentukan zakat ialah beras atas alasan ia merupakan makanan asasi yang dimakan oleh rakyat negara ini. Berdasarkan kajian dan perakuan oleh pihak BERNAS, beras Super Tempatan Gred A merupakan beras yang dimakan oleh majoriti rakyat Malaysia berbanding dengan beras gred lain. Perkara ini boleh dijadikan asas dan kaedah bagi penetapan bahan makanan asasi dalam menentukan zakat fitrah.

Kaedah yang harus digunakan bagi memastikan ketepatan timbangan yang menyamai satu gantang Baghdad adalah dengan menggunakan timbangan metrik dengan mengambil kira penggunaan alat sukatan gantang Baghdad kian

51 Abu Daud Sulaiman bin al-Ashas al-Sajistani, *Sunan Abi Daud*, Bab Kam Yuaddi Fi Sadakah al-Fitr, no.hadis 1373, Dar al-Kitab al-Arabi, Beirut, t.th, jld.2, hlm.26. Berkata al-Alani, hadis ini adalah sahih.

pupus dan sistem sukatan moden terutama sistem metrik digunakan secara meluas.

Hasil sukatan dua jenis gantang baghdad⁵² bagi beras Super Tempatan Gred (A) adalah bersamaan dengan 2.70 kg. Keputusan ini bertepatan dengan keputusan yang telah dibuat oleh Muzakarah jawatankuasa Fatwa kali pertama yang bersidang pada 28-29 Januari 1981 iaitu ukuran nisab jenis-jenis zakat kepada sistem metrik adalah harus.

⁵² Replika Kayu Gantang Baghdad dari Negeri Sembilan dan Replika Tembaga Gantang Baghdad dari Majlis Agama Islam Kelantan.